



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
TERENGGANU

# BUKU PANDUAN

# **PROGRAM SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN  
PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**



## **ISI KANDUNGAN**

<b>KATA ALU-ALUAN DEKAN .....</b>	<b>i</b>
<b>KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA).....</b>	<b>ii</b>
<b>VISI, MISI, FUNGSI &amp; OBJEKTIF UNIVERSITI.....</b>	<b>1</b>
<b>LATAR BELAKANG UMT.....</b>	<b>2</b>
<b>FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL.....</b>	<b>3</b>
Maklumat Am.....	4
Kemudahan Makmal.....	5
Tugas dan Peranan Mentor.....	6
Peraturan Pakaian dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu .....	7
Polisi Universiti Malaysia Terengganu.....	8
<b>BARISAN PENGURUSAN FAKULTI .....</b>	<b>10</b>
Pengurusan Fakulti.....	10
Ketua Program Pengajian .....	11
<b>PROGRAM SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN KEPUJIAN .....</b>	<b>14</b>
Syarat Kemasukan.....	15
Jumlah Kredit untuk Bergraduat .....	16
Kurikulum Program .....	16
Sinopsis Kursus .....	27

## KATA ALU-ALUAN DEKAN



**Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi akademik 2024/2025 telah dapat disempurnakan. Buat masa ini Fakulti FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian, Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian, Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian dan Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian.

Fakulti amat mengalu-alukan kehadiran pelajar pada sesi akademik kali ini. Selamat datang dan tahniah kerana anda terpilih untuk menyambung pengajian di Universiti Malaysia Terengganu khususnya FPEPS. Kehidupan anda sebagai pelajar universiti telah bermula. Pelajar harus menghargai dan memanfaatkan peluang ini sebaik yang mungkin sepanjang 3 atau 4 tahun tempoh pengajian di UMT. Kami warga Fakulti akan sentiasa berusaha dan bersedia untuk membantu anda membina kejayaan sebagai pelajar yang cemerlang di UMT.

Fakulti sentiasa komited dalam usaha pembangunan pelajar dan penawaran program pengajian yang berkualiti dan berdaya saing. Di antaranya FPEPS telah menawarkan tiga program yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu program Sarjana Muda Perakaunan yang mendapat pengiktirafan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW dan CPA Australia, manakala program Sarjana Muda Kaunseling yang diiktiraf oleh badan profesional Lembaga Kaunselor Malaysia dan yang terkini Sarjana Muda Kewangan diiktiraf oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

Selain itu, majoriti tenaga pengajar Fakulti memegang kelulusan PhD dari pelbagai universiti di dalam dan luar negara. Fakulti juga telah berjaya melaksanakan kerjasama dengan universiti luar negara menerusi program *outbound* dan *inbound mobility* seperti dengan Universiti Dongguk (Korea Selatan); Prince of Songkla University (Thailand); Universitas Airlangga (Indonesia) dan banyak lagi. Pelajar turut berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti bertaraf antarabangsa, kebangsaan mahupun yang dianjurkan oleh kelab pelajar melalui NREC, MAR'C, HISAAC, PEKA, TOURMAC dan POSESO sepanjang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda seharusnya peka dengan keperluan, peraturan dan syarat-syarat akademik yang terpakai di UMT supaya perjalanan pengajian anda di UMT lancar dan dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. UMT mengamalkan mod PdP secara bersemuka dan interaktif bersama pelajar. Oleh demikian, pelajar hendaklah sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk dapatkan nasihat dan bimbingan sekiranya menghadapi kesulitan dalam pelbagai situasi.

Akhir kata, diharapkan anda semua dapat merancang pengajian akademik dengan teratur dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya kita tekun berusaha dan sentiasa bersedia menempuh cabaran yang mendatang. Semoga usaha dan ikhtiar yang dilakukan ini akan sentiasa membawa hasil dan seterusnya memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Diharapkan agar pelajar dapat menggunakan sepenuhnya Buku Panduan ini sepanjang anda bergelar mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang pengajian masing-masing.

Selamat Maju Jaya. Terima kasih.

**Profesor Dr. Suriyani binti Muhamad**

Dekan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial  
Universiti Malaysia Terengganu

# KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER 1: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
<b>1 – 5/10/2024</b>	<b>PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU DAN MINGGU JALINAN MESRA</b>	
<b>MINGGU 1-4</b> <b>6/10/2024 – 2/11/2024</b>	<b>KULIAH</b> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	<b>Hari Deepavali</b> 31/10/2024 (Khamis)
<b>MINGGU 5-7</b> <b>3 – 23/11/2024</b>	<b>KULIAH</b> - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
<b>24 – 30/11/2024</b>	<b>CUTI PERTENGAHAN SEMESTER</b>	
<b>MINGGU 8</b> <b>1 – 7/12/2024</b>	<b>KULIAH</b> - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
<b>MINGGU 9</b> <b>8 – 14/12/2024</b>	<b>KULIAH</b> - Semakan dan Pengesahan Kursus	
<b>MINGGU 10-13</b> <b>15/12/2024 – 11/1/2025</b>	<b>KULIAH</b>	<b>Hari Krismas</b> 25/12/2024 (Rabu)
<b>MINGGU 14</b> <b>12 – 18/1/2025</b>	<b>KULIAH</b> - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
<b>19/1/2025 – 1/2/2025</b>	<b>MINGGU ULANG KAJI</b>	<b>Israj Mikraj</b> 27/1/2025 ( Isnin ) <b>Tahun Baru Cina</b> 29 & 30/1/2025 ( Rabu & Khamis )
<b>MINGGU 15-16</b> <b>2/2/2025 – 15/2/2025</b>	<b>PEPERIKSAAN AKHIR</b> - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
<b>16/2/2025 – 15/3/2025</b>	<b>CUTI ANTARA SEMESTER</b>	<b>Hari Ulang tahun Pertabalan Kebawah DYMM Sultan Terengganu</b> 4/3/2025 (Selasa)

## PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari facebook rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

# KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

## SEMESTER II: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
<b>MINGGU 1-3</b> <b>16/3/2025 – 5/4/2025</b>	<b>KULIAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendaftaran Kursus (Tambah &amp; Gugur)</li> <li>- Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1</li> <li>- Permohonan Tangguh Pengajian</li> <li>*(Kuliah pdp secara hibrid dari Minggu 1 – Minggu 3)</li> </ul>	<b>Nuzul Al-Quran</b> 17/3/2025 (Isnin) <b>Hari Raya Aidilfitri</b> 31/3/2025 – 1/4/2025 (Isnin-Selasa)
<b>MINGGU 4</b> <b>6 – 12/4/2025</b>	<b>KULIAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendaftaran Kursus (Tambah &amp; Gugur)</li> <li>- Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1</li> <li>- Permohonan Tangguh Pengajian</li> <li>*(Kuliah pdp secara bersemuka mulai minggu 4 dan seterusnya)</li> </ul>	
<b>MINGGU 5-7</b> <b>13/4/2025 – 3/5/2025</b>	<b>KULIAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendaftaran Kursus (Gugur)</li> </ul>	<b>Hari Keputeraan Sultan Terengganu</b> 26/4/2025 (Sabtu) <b>Hari Keputeraan Sultan Terengganu (Kelepasan Am Negeri Terengganu</b> 27/4/2025 (Ahad) <b>Hari Pekerja</b> 1/5/2025 (Khamis)
<b>4 – 10/5/2025</b>	<b>CUTI PERTENGAHAN SEMESTER</b>	
<b>MINGGU 8</b> <b>11 – 17/5/2025</b>	<b>KULIAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pendaftaran Kursus (Gugur)</li> </ul>	<b>Hari Wesak</b> 12/5/2025 (Isnin)
<b>MINGGU 9</b> <b>18 – 24/5/2025</b>	<b>KULIAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Semakan dan Pengesahan Kursus</li> </ul>	
<b>MINGGU 10-13</b> <b>25/5/2025 – 21/6/2025</b>	<b>KULIAH</b>	<b>Hari Keputeraan YDP Agong</b> 3/6/2025 (Selasa) <b>Hari Arafah &amp; Hari Raya Aidiladha</b> 5 - 8/6/2025 (Khamis – Ahad)
<b>MINGGU 14</b> <b>22 – 28/6/2025</b>	<b>KULIAH</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cetakan Slip Peperiksaan</li> <li>- Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian</li> </ul>	<b>Awal Muharram</b> 27/6/2025 (Jumaat)
<b>29/6/2025 – 5/7/2025</b>	<b>MINGGU ULANG KAJI</b>	
<b>MINGGU 15-17</b> <b>6 – 26/7/2025</b>	<b>PEPERIKSAAN AKHIR</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian</li> </ul>	

### PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari [facebook](#) rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

# KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

## SEMESTER PENDEK: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
<b>MINGGU 1-2</b> <b>27/7/2025 – 9/8/2025</b>	<b>KULIAH</b> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
<b>MINGGU 3-4</b> <b>10 – 23/8/2025</b>	<b>KULIAH</b> - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
<b>MINGGU 5</b> <b>24 – 30/8/2025</b>	<b>KULIAH</b> - Semakan dan Pengesahan Kursus	
<b>MINGGU 6-7</b> <b>31/8/2025 – 13/9/2025</b>	<b>KULIAH</b>	<b>Hari Kebangsaan</b> 31/8/2025 (Ahad) <b>Maulidur Rasul</b> 5/9/2025 (Jumaat)
<b>MINGGU 8</b> <b>14 – 20/9/2025</b>	<b>KULIAH</b> - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	<b>Hari Malaysia</b> 16/9/2025 (Selasa)
<b>MINGGU 9</b> <b>21 – 27/9/2025</b>	<b>PEPERIKSAAN AKHIR</b> - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

### PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewatnya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari [facebook rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik \(PPPA\), UMT](https://www.facebook.com/AkademikUMT/) di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

# VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



## FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkuuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

## OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

# LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturkan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berdasarkan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

# FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

## PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturkan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

PROGRAM	TEMPOH
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3 tahun
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3 tahun

## PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

## STRUKTUR KERJA KURSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



# Maklumat Am

## SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

## STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




## SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED

Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
80-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	
65-69	B	3.00	Baik
60-64	B-	2.75	
55-59	C+	2.50	Memuaskan
50-54	C	2.00	
45-49	C-	1.75	
40-44	D	1.00	Lemah
39 atau kurang	F	0.00	Gagal


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67-4.00	Cemerlang	Distinction
2.00-3.66	Kepujian	Honours

# Kemudahan Makmal



Makmal Komputer



Makmal Kaunseling

# Tugas dan Peranan Mentor

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**

Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**

Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**

Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**

Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**

Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktunya pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**

Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**

Mentor sepatutnya cuba libatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti- aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengurus sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.

- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**

Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**

Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.

- **Merujuk Kepada Pakar**

Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kapakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

# Peraturan Pakaian dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu

## PERATURAN AM

- Setiap pelajar dikehendaki memamerkan kad matrik sepanjang berada di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan ketidakharmonian di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memamerkan dalam apa-apa bentuk, unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan tatasusila atau mengandungi reka bentuk perkataan atau frasa yang tidak selari dengan nilai atau norma yang mulia.
- Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau di mana-mana tempat di dalam kampus yang mempunyai peraturannya yang tersendiri.



Contoh Penampilan Kad Matrik Pelajar

## RAMBUT


- Pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi.
- Pelajar lelaki tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang dan berekor di hadapan atau di belakang. rambut hendaklah tidak mencecah kolar baju.
- Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah dilarang.
- Mewarnakan rambut adalah dilarang sama sekali



Contoh Penampilan Rambut Pelajar

# Polisi Universiti Malaysia Terengganu

## PAKAIAN SEMASA BERADA DI DALAM KAMPUS DAN SEMASA MENGHADIRI ACARA RASMI



Contoh Penampilan Pakaian Pelajar

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
  - Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkollar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
  - Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata. Pelajar adalah dilarang berpakaian seperti mana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-
- ✓ Berskirt di atas paras lutut    ✓ Berbaju tanpa lengan    ✓ Berseluar / berskirt ketat  
✓ Berbaju T tanpa kollar    ✓ Berseluar jeans    ✓ Berselipar  
lengan

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepas paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

# BARISAN PENGURUSAN FAKULTI

## Pengurusan Fakulti



Dekan  
Profesor Dr. Suriyani  
Muhamad



Timbalan Dekan  
(Akademik & HEP)  
Profesor Madya Dr.  
Azwadi Ali




Timbalan Dekan (Siswazah)  
Profesor Madya Dr. Nik  
Hazimah Nik Mat



Timbalan Dekan  
(Bakat & Penyelidikan)  
Profesor Madya Dr. Nazli Aziz



Penolong Pendaftar Kanan  
Cik Wan Zawati Wan Jaafar



Penolong Pendaftar  
Nur Nadia Amira Noley

# KETUA PROGRAM PENGAJIAN



SARJANA MUDA KAUNSELING  
DENGAN KEPUJIAN  
DR. KAMARUL MD SHAH



SARJANA MUDA PERAKAUNAN  
DENGAN KEPUJIAN  
DR. WAN ZURIATI WAN ZAKARIA



SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN  
KEPUJIAN  
DR. AHMAD SHAUQI HJ MOHAMAD ZUBIR



SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN  
PROFESOR MADYA DR. SITI  
FALINDAH PADLEE



SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER  
ALAM) DENGAN KEPUJIAN  
DR. MUHAMMAD NAJIT SUKEMI



SARJANA MUDA PENGURUSAN (PENGAJIAN  
POLISI) DENGAN KEPUJIAN  
PROFESOR MADYA DR. ROSYIDAH MUHAMAD



SM PENGURUSAN PELANCONGAN  
DENGAN KEPUJIAN  
DR. YUSNITA YUSOF

## PRA-SISWAZAH



DR. NOOR FADHIHA MOKHTAR  
SARJANA PENTADBIRAN  
PERNIAGAAN



DR. SITI SALINA ABDULLAH  
SARJANA KAUNSELING

## PASCA- SISWAZAH



DR. MOHD NASIR NAWAWI  
SARJANA EKONOMI



DR. ALEFF OMAR SHAH  
SARJANA PENGURUSAN (ZON  
PANTAI BERSEPADU)

# SENARAI PENSYARAH



**Dr Ahmad Shauqi Hj. Mohamad Zubir, Shariah RFP**  
**PhD (Birmingham), MSc (Financial Engineering) (UiTM), BSc (Hons) Act. Sc. (UKM)**  
**Bidang: Pelaburan, Pasaran Kewangan**  
**Ketua Program SM Kewangan / Pensyarah Kanan**  
**09-6684270**  
**[shauqi@umt.edu.my](mailto:shauqi@umt.edu.my)**



**Prof. Madya Dr Azwadi Ali**  
**PhD (Victoria), M.Acc. (UiTM), B.Acc. & Fin (Hons.) (Lancaster)**  
**Bidang: Kewangan Peribadi**  
**Timb. Dekan (Akademik & HEP) / Profesor Madya**  
**09-6684157/3449**  
**[azwadi@umt.edu.my](mailto:azwadi@umt.edu.my)**



**Prof. Madya Dr Safwan Mohd Nor, CQRM®, MMIM, RFP, Shariah RFP**  
**PhD (Victoria), MFA (La Trobe), B.A. (Hons) AFS (UCLan), Dip. Acc (UiTM)**  
**Bidang: Pelaburan, Pasaran Kewangan**  
**Penyelaras Data / Profesor Madya**  
**09-6683198**  
**[safwan@umt.edu.my](mailto:safwan@umt.edu.my)**



**Mimi Aizreen Hamzah**  
**MSc Finance (UUM), BSc (Hons) Finance & Accounting (Salford)**  
**Bidang: Kewangan Peribadi**  
**Penyelaras Mobiliti / Pensyarah Kanan**  
**09-6684279**  
**[mimihamzah@umt.edu.my](mailto:mimihamzah@umt.edu.my)**

# SENARAI PENSYARAH



**Dr Nik Nor Amalina Nik Mohd Sukri**  
PhD (UUM), Master (Islamic Banking & Finance) (UUM), BBA  
(Hons) (Islamic Banking) (UiTM)  
Bidang: Kewangan Islam, Perbankan Islam  
Penyelaras Kualiti / Pensyarah Kanan  
09-6684541  
[amalinasukrri@umt.edu.my](mailto:amalinasukrri@umt.edu.my)



**Dr Siti Nurain Muhammad**  
PhD (UMT), MSc ICZM (UMT), BBA (Hons) (Islamic  
Banking) (UiTM).  
Bidang: Kewangan Islam, Kemampaman Kewangan  
Penasihat Kelab / Pensyarah Kanan  
09-6684849  
[sitinurain@umt.edu.my](mailto:sitinurain@umt.edu.my)



**Dr W Muhammad Zainuddin Wan Abdullah**  
PhD (USIM), MBA (Fin. & Banking) (KUIS), B.Acc. (Hons)  
(UKM)  
Bidang: Kewangan Mikro, Pengurusan Risiko  
Penyelaras Siswazah / Pensyarah Kanan  
09-6685058  
[w.zainuddin@umt.edu.my](mailto:w.zainuddin@umt.edu.my)

# **PROGRAM SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN KEPUJIAN**

Tempoh pengajian Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian secara lazimnya adalah selama 3 tahun. Pelajar mestilah memenuhi sekurang-kurangnya 120 jam kredit struktur program bagi membolehkan mereka dianugerahkan Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian (UMT). Tempoh pengajian pula dibahagikan kepada 6 semester biasa dan 1 semester pendek. Pada Semester 6, pelajar dijangka akan menjalani latihan industri di organisasi-organisasi kewangan terpilih. Program yang ditawarkan ini adalah memenuhi keperluan akademik dan seiring dengan keperluan tenaga kerja semasa dengan mengambilkira Standard Kewangan yang diiktiraf oleh MQA. Di samping mendapat akreditasi MQA, program ini juga berkolaborasi dengan Malaysian Financial Planning Council (MFPC) untuk memberi peluang kepada pelajar untuk bergraduat dengan ijazah dan juga sijil profesional Registered Financial Planner (RFP).

Program Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian (UMT) mendapat pengecualian penuh 6 modul profesional Registered Financial Planner (RFP) iaitu Module 1: Fundamentals of Financial Planning, Module 2: Risk Management & Insurance Planning, Module 3: Investment Planning, Module 4: Zakat & Tax Planning, Module 5: Estate Planning dan Module 6: Retirement Planning. Untuk melengkapkan kesemua 7 Modul RFP, peperiksaan Modul 7 RFP boleh diambil pada Semester 5. Penamaan RFP telah diluluskan oleh Bank Negara Malaysia sebagai kelayakan untuk memohon Lesen Penasihat Kewangan dan Lesen Wakil Penasihat Kewangan di bawah Akta Insurans 1996, juga telah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai salah satu kelayakan untuk memohon Lesen Penasihat Pelaburan di bawah Akta Industri Sekuriti 1983 dan untuk permohonan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) bersempena dengan pengenalan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

## **OBJEKTIF PROGRAM**

Objektif Pendidikan Program (PEO) bagi Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian adalah:

- Menyediakan pengamal kewangan yang mempunyai pengetahuan teori dan konsep kewangan dan bukan kewangan, kemahiran teknikal dan berupaya mengaplikasi dan mencadangkan penyelesaian yang bersesuaian mengikut masalah kewangan berkaitan.
- Menyediakan pengamal kewangan yang berjaya mempamerkan kemahiran praktikal dan kemahiran komunikasi berkesan melalui interaksi dengan rakan dan pemegang taruh.
- Menyediakan pengamal kewangan yang berupaya menggabungkan kemahiran digital dan analisis data secara berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
- Menyediakan pengamal kewangan yang menunjukkan sikap positif dan etika profesional melalui pembelajaran sepanjang hayat dan berupaya berdikari dengan semangat keusahawanan dalam menghadapi persekitaran industri kewangan.

## **PROSPEK KERJAYA**

Siswazah dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian mempunyai peluang kerjaya sebagai eksekutif kewangan, penasihat kewangan, perancang kewangan, penyelidik kewangan, pengurus kewangan dan sebagainya. Di sektor awam, peluang kerjaya untuk siswazah Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian terdapat di jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan berkanun dan penguasa-penguasa tempatan. Di sektor swasta, peluang kerjaya sebegini terdapat di badan-badan perdagangan dan perindustrian, bank, syarikat insurans dan firma kewangan. Dengan pengetahuan dan kemahiran yang diterapkan sepanjang program ini, siswazah juga berpeluang untuk menjadi usahawan.

# Syarat Kemasukan

## SYARAT KHAS PROGRAM

### Lepasan STPM

- Lulus STPM dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B- (NGMP 2.67) dalam mana-mana satu (1) mata pelajaran berikut: Ekonomi/Perakaunan/Pengajian Perniagaan/Pengurusan Perniagaan, dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Matematik dan Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM, dan
- Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET),

### Lepasan Matrikulasi/Asasi

- Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.67, dan
- Mendapat sekurang kurangnya kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Matematik dan Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM, dan
- Mendapat sekurang kurangnya Tahap 2 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET),

### Lepasan Diploma

- Memiliki Diploma dalam bidang Kewangan atau mana mana bidang yang sesuai dengan minimum PNGK 2.67, dan
- Mendapat sekurang kurangnya Kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Matematik dan Gred D dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM, dan
- Mendapat sekurang kurangnya Tahap 2 (Band 2.0) dalam Malaysian University English Test (MUET).

## ENTRY REQUIREMENTS FOR INTERNATIONAL STUDENTS

### 1) General Requirements

- a) Senior High School/Senior Secondary School/ Other Certificates from the government schools (with the period of at least 11 to 12 years of study from primary to higher secondary); OR
- b) GCE A' Level examination obtained at one sitting, OR
- c) Any other certificate that is recognized by the Senate of the University as equivalent to the above

and

### 2) Language Requirements

- a) Pass the Test of English Language as a Foreign Language (TOEFL iBT 40) / (TOEFL Essentials (Online) 7.5) at least, OR
- b) Pass the International English Language Testing System (IELTS) at least 5.0, OR
- c) Pass the Malaysian University English Test (MUET at least Band 3.5)  
\* Applicants from the country where the official language is English Language must obtain at least credit in English Language Paper at higher secondary school level.

and

### 3) Programme's Specific Requirements.

# Jumlah Kredit untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 120 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit bagi Pelajar	
	Tempatan	Antarabangsa
Kursus Teras Universiti	20 (16.7%)	15 (11.9%)
Kursus Teras Program	88 (73.3%)	94 (74.6%)
Kursus Elektif	12 (10%)	17 (13.5%)
<b>JUMLAH</b>	<b>120 (100%)</b>	<b>126 (100%)</b>

## Kurikulum Program

### Kursus Teras Universiti (20 atau 18 jam kredit)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pelajar	
			Tempatan	Antarabangsa
BBB3013	Academic Writing Skills	3	✓	✓
	Ko-Kurikulum	2	✓	✓
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	✓	✓
COM3112	Seni Komunikasi	2	✓	
MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2	✓	✓
CCM3011	Santuni Komuniti	1	✓	
BBB3033	English for Occupational Purpose	3	✓	✓
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2	✓	✓
MPU3142	Falsafah Dan Isu Semasa	2	✓	
MPU3143	Communicative Malay Language	3		✓
BBB3023	Public Speaking	3		✓
	<b>JUMLAH</b>		<b>20</b>	<b>18</b>

## **Kursus Teras Program**

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pelajar	
			Tempatan	Antarabangsa
FNC3813	Asas Perancangan Kewangan	3	✓	✓
FNC3123	Kaedah Statistik Untuk Perakaunan dan Kewangan	3	✓	✓
ACT3012	Prinsip Perakaunan	2	✓	✓
ECO3033	Mikroekonomi	3	✓	✓
MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3	✓	✓
FNC3823	Pengurusan Risiko dan Perancangan Insurans	3	✓	✓
FNC3213	Pengurusan Kewangan	3	✓	✓
ACT3213	Perakaunan Kos	3	✓	✓
ECO3043	Makroekonomi	3	✓	✓
FNC3223	Pengurusan Kewangan Islam	3	✓	✓
FNC3513	Teknologi Kewangan	3	✓	✓
FNC3613	Ekonomi dan Teori Kewangan	3	✓	✓
FNC3833	Analisis Pelaburan dan Pengurusan Portfolio	3	✓	✓
FNC3843	Perancangan Zakat dan Cukai	3	✓	✓
FNC4113	Analisis Penyata Kewangan	3	✓	✓
FNC4213	Kewangan Korporat	3	✓	✓
FNC3853	Pengurusan Harta Pusaka	3	✓	✓
FNC4863	Perancangan Persaraan	3	✓	✓
FNC4613	Kewangan Antarabangsa	3	✓	✓
ACT3533	Analitik Data Perniagaan	3	✓	✓
ACT3613	Etika Perniagaan Dan Tadbir Urus Korporat	3	✓	✓
FNC4873	Aplikasi dalam Perancangan Kewangan	3	✓	✓
FNC4123	Pemodelan Kewangan	3	✓	✓
FNC4513	Teknologi Kewangan Lanjutan	3	✓	✓
FNC4612	Seminar Kewangan	2	✓	✓
MGM3303	Undang-Undang Syarikat	3	✓	✓
FNC49712	Latihan Industri*	12	✓	✓
		JUMLAH	88	88

\* Tempoh latihan industri adalah selama 24 minggu.

## **Kursus Elektif (12 atau 14 jam kredit)**

Pelajar tempatan perlu memenuhi keperluan 12 jam kredit dengan memilih mana-mana 4 kursus daripada jadual di bawah sahaja. Pelajar antarabangsa perlu memenuhi keperluan 14 jam kredit dengan memilih mana-mana kursus elektif bebas untuk Elektif 1 dan Elektif 2 (5 kredit kesemuanya), dan 3 kursus lagi daripada jadual di bawah sahaja (9 kredit kesemuanya).

<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
FNC4643	Kewangan Luar Pesisir	3
FNC4653	Pengurusan Kewangan Pesisir	3
FNC4663	Kewangan Rantaian Bekalan	3
FNC4673	Kewangan Perkapalan	3
FNC4983	Penyelidikan dalam Kewangan 1*	3
FNC4993	Penyelidikan dalam Kewangan 2	3

\* Pra-syarat bagi FNC4993

## **Pra-syarat**

Semua kursus yang memerlukan pra-syarat boleh diambil apabila pelajar telah menduduki (wajib ambil) kursus pra-syarat tersebut.

## **Pengecualian Kursus**

Pelajar yang layak boleh memohon pengecualian bagi kursus dalam senarai di bawah:

<b>Kod</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
ACT3012	Prinsip Perakaunan	2
FNC3123	Kaedah Statistik Untuk Perakaunan dan Kewangan	3
FNC3213	Pengurusan Kewangan	3
ACT3213	Perakaunan Kos	3
FNC3013	Kewangan Pengurusan*	3

\* Kursus untuk pelajar bukan Sarjana Muda Kewangan

## **BAHASA MODEN**

Dalam usaha melahirkan mahasiswa yang holistik dan sesuai dengan keperluan pasaran kerja, Universiti Malaysia Terengganu menggalakkan pelajar-pelajar untuk menguasai kemahiran berkomunikasi dalam satu bahasa ketiga. Untuk tujuan tersebut, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL) menawarkan pakej kursus bahasa moden berikut sebagai kursus elektif:

<b>Bil.</b>	<b>Kod Kursus</b>	<b>Nama Kursus</b>	<b>Kredit</b>
1.	BBB3013	Bahasa Arab I (Arabic Language I)	3(3+0)
2.	BBB3023	Bahasa Arab II (Arabic Language II)	3(3+0)
3.	BBB3033	Bahasa Arab III (Arabic Language III)	3(3+0)
4.	BBJ3013	Bahasa Jepun I (Japanese Language I)	3(3+0)
5.	BBJ3023	Bahasa Jepun II (Japanese Language II)	3(3+0)
6.	BBJ3033	Bahasa Jepun III (Japanese Language III)	3(3+0)
7.	BBC3013	Bahasa Mandarin I (Mandarin Language I)	3(3+0)
8.	BBC3023	Bahasa Mandarin II (Mandarin Language II)	3(3+0)
9.	BBC3033	Bahasa Mandarin III (Mandarin Language III)	3(3+0)
10.	BBP3013	Bahasa Perancis I (French Language I)	3(3+0)
11.	BBP3023	Bahasa Perancis II (French Language II)	3(3+0)
12.	BBP3033	Bahasa Perancis III (French Language III)	3(3+0)
13.	BBS3013	Bahasa Sepanyol I (Spanish Language I)	3(3+0)
14.	BBS3023	Bahasa Sepanyol II (Spanish Language II)	3(3+0)
15.	BBS3033	Bahasa Sepanyol III (Spanish Language III)	3(3+0)
16.	BBK3013	Bahasa Korea I (Korean Language I)	3(3+0)
17.	BBK3023	Bahasa Korea II (Korean Language II)	3(3+0)
18.	BBK3033	Bahasa Korea III (Korean Language III)	3(3+0)
19.	BBJ3013	Bahasa Jerman I (German Language I)	3(3+0)
20.	BBJ3023	Bahasa Jerman II (German Language II)	3(3+0)
21.	BBJ3033	Bahasa Jerman III (German Language III)	3(3+0)

## Skema Pengajian Pelajar Tempatan

Semester 1		Jam Kredit	Prasyarat	Semester 2		Jam Kredit	Prasyarat	
FNC3813	Asas Perancangan Kewangan	3 (3+0)	-	FNC3823	Pengurusan Risiko dan Perancangan Insurans	3 (3+0)	FNC3813	
FNC3123	Kaedah Statistik Untuk Perakaunan dan Kewangan	3 (3+0)	-	FNC3213	Pengurusan Kewangan	3 (3+0)	-	
ACT3012	Prinsip Perakaunan	2 (2+0)	-	ACT3213	Perakaunan Kos	3 (3+0)	-	
ECO3033	Mikroekonomi	3 (3+0)	-	ECO3043	Makroekonomi	3 (3+0)	-	
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET 3	MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	-	
MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3 (3+0)	-	COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	-	
	Ko-Kurikulum	2	-	MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2 (2+0)	-	
				CCM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)	-	
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>		<b>Jumlah</b>		<b>20</b>		
<b>Semester Pendek</b>		<b>Jam Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>					
FNC3223	Pengurusan Kewangan Islam	3 (3+0)	-					
FNC3513	Teknologi Kewangan	3 (3+0)	-					
FNC3613	Ekonomi dan Teori Kewangan	3 (3+0)	FNC3213					
<b>Jumlah</b>		<b>9</b>						
<b>Semester 3</b>		<b>Jam Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>	<b>Semester 4</b>		<b>Jam Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>	
FNC3833	Analisis Pelaburan dan Pengurusan Portfolio	3 (3+0)	FNC3213	FNC3853	Pengurusan Harta Pusaka	3 (3+0)	FNC3813	
FNC3843	Perancangan Zakat dan Cukai	3 (3+0)	FNC3813	FNC4863	Perancangan Persaraan	3 (3+0)	FNC3813	
FNC4113	Analisis Penyata Kewangan	3 (3+0)	FNC3213	FNC4613	Kewangan Antarabangsa	3 (3+0)	FNC3213	
FNC4213	Kewangan Korporat	3 (3+0)	FNC3213	ACT3533	Analitik Data Perniagaan	3 (3+0)	FNC3123	
BBB3033	English for Occupational Purpose	3 (3+0)	-	ACT3613	Etika Perniagaan Dan Tadbir Urus Korporat	3 (3+0)	-	
MPU3132	Penghayatan Etika dan Peradaban	2 (2+0)	-	MPU3142	Falsafah Dan Isu Semasa	2 (2+0)	-	
	Elektif 1	3 (3+0)	-	FNC4983	Penyelidikan Dalam Kewangan 1 / Elektif 2	3	FNC3123/-	
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>		<b>Jumlah</b>		<b>20</b>		
<b>Semester 5</b>		<b>Jam Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>	<b>Semester 6</b>		<b>Jam Kredit</b>	<b>Prasyarat</b>	
FNC4873	Aplikasi dalam Perancangan Kewangan	3 (3+0)	FNC4863	FNC49712	Latihan Industri	12	FNC4863, >60 jam	
FNC4123	Pemodelan Kewangan	3 (3+0)	FNC3123					
FNC4513	Teknologi Kewangan Lanjutan	3 (3+0)	FNC3513					
FNC4612	Seminar Kewangan	2 (2+0)	FNC4213					
MGM3303	Undang-Undang Syarikat	3 (3+0)	-					
FNC4993	Penyelidikan dalam Kewangan 2/Elektif 3	3	FNC4983/-					
	Elektif 4	3 (3+0)	-					
<b>Jumlah</b>		<b>20</b>		<b>Jumlah</b>		<b>12</b>		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>						<b>120</b>		

**Nota:**

1. Pelajar diwajibkan mengambil Program Survival dan Keselamatan Air sebagai syarat untuk bergraduat.
2. Kursus-kursus elektif mestilah dipilih daripada FNC4643 Kewangan Luar Pesisir, FNC4653 Pengurusan Kewangan Pesisir, FNC4663 Kewangan Rantaian Bekalan, FNC4673 Kewangan Perkapalan, FNC4983 Penyelidikan dalam Kewangan 1 dan FNC4993 Penyelidikan dalam Kewangan 2.
3. Markah lulus bagi kursus FNC3813, FNC3823, FNC3833, FNC3843, FNC3853 dan FNC4863 adalah 50 (Gred C) sebagaimana syarat yang ditetapkan oleh MFPC.

## Skema Pengajian Pelajar Antarabangsa

Semester 1		Credit hours	Pre-requisite	Semester 2		Credit hours	Pre-requisite
FNC3813	Fundamentals of Financial Planning	3 (3+0)	-	FNC3823	Risk Management and Insurance Planning	3 (3+0)	FNC3813
FNC3123	Statistical Methods for Accounting and Finance	3 (3+0)	-	FNC3213	Financial Management	3 (3+0)	-
ACT3012	Accounting Principles	2 (2+0)	-	ACT3213	Cost Accounting	3 (3+0)	-
ECO3033	Microeconomics	3 (3+0)	-	ECO3043	Macroeconomics	3 (3+0)	-
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET 3	MPU3143	Communicative Malay Language	3 (3+0)	-
MGM3323-E	Philosophy of Management	3 (3+0)	-	MPU3352	Integrity and Anti-Corruption	2 (2+0)	-
	Co-Curriculum	2	-		Elective 1	3	-
<b>Total</b>		<b>19</b>		<b>Total</b>		<b>20</b>	
Short Semester		Credit hours	Pre-requisite				
FNC3223	Islamic Financial Management	3 (3+0)	-				
FNC3513	Financial Technology	3 (3+0)	-				
FNC3613	Financial Economics and Theories	3 (3+0)	FNC3213				
<b>Total</b>		<b>9</b>					
Semester 3		Credit hours	Pre-requisite	Semester 4		Credit hours	Pre-requisite
FNC3833	Investment Analysis and Portfolio Management	3 (3+0)	FNC3213	FNC3853	Estate Planning	3 (3+0)	FNC3813
FNC3843	Zakat and Tax Planning	3 (3+0)	FNC3813	FNC4863	Retirement Planning	3 (3+0)	FNC3813
FNC4113	Financial Statement Analysis	3 (3+0)	FNC3213	FNC4613	International Finance	3 (3+0)	FNC3213
FNC4213	Corporate Finance	3 (3+0)	FNC3213	ACT3533	Business Data Analytics	3 (3+0)	FNC3123
BBB3023	Public Speaking	3 (3+0)	MUET 3	ACT3613	Business Ethics and Corporate Governance	3 (3+0)	-
	Elective 2	2	-	MPU3132	Appreciation of Ethics and Civilizations	2 (2+0)	-
	Elective 3	3 (3+0)	-	FNC4983	Research in Finance 1 / Elective 4	3	FNC3123/-
<b>Total</b>		<b>20</b>		<b>Total</b>		<b>20</b>	
Semester 5		Credit hours	Pre-requisite	Semester 6		Credit hours	Pre-requisite
FNC4873	Applications in Financial Planning	3 (3+0)	FNC4863	FNC49712	Industrial Training	12	FNC4863, >60 hours
FNC4123	Financial Modelling	3 (3+0)	FNC3123				
FNC4513	Advanced Financial Technology	3 (3+0)	FNC3513				
FNC4612	Seminar in Finance	2 (2+0)	FNC4213				
MGM3303	Company Law	3 (3+0)	-				
FNC4993	Research in Finance 2 /Elective 5	3	FNC4983/-				
BBB3033	English for Occupational Purpose	3 (3+0)	-	<b>Total</b>		<b>12</b>	
<b>Total</b>		<b>20</b>		<b>TOTAL CREDIT HOURS</b>		<b>120</b>	

**Notes:**

- The students are required to take the Survival and Water Safety Program as a prerequisite for graduation.
- The Elective 1 and Elective 2 are pure electives courses. The Elective 3-5 courses must be chosen from FNC4643 Offshore Finance, FNC4653 Coastal Financial Management, FNC4663 Supply Chain Finance, FNC4673 Shipping Finance, FNC4983 Research in Finance 1 and FNC4993 Research in Finance 2.
- For Elective 1 and Elective 2, the list of elective courses that can be taken by the international students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.
- The passing mark for FNC3813, FNC3823, FNC3833, FNC3843, FNC3853 and FNC4863 courses is 50 (Grade C) as per requirement set by MFPC.

# Sinopsis Kursus

<b>FNC3813</b>	<b>: Asas Perancangan Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini menerang dan mengaplikasikan asas-asas di dalam perancangan kewangan. Pelajar akan didedahkan kepada objektif perancangan kewangan, persekitaran ekonomi dan kewangan, nilai masa wang, kesahan kewangan, proses perancangan kewangan, profesionalisme dan etika dalam kewangan. Melalui kursus ini, pelajar akan membangunkan keupayaan untuk mengaplikasikan perancangan kewangan berdasarkan implikasi pengetahuan yang diliputi oleh kursus ini bukan sahaja kepada diri mereka tetapi juga kepada pelanggan mereka. Kursus ini adalah berdasarkan Module 1: Fundamentals of Financial Planning di dalam kursus Registered Financial Planner (RFP) oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

<b>FNC3823</b>	<b>: Pengurusan Risiko dan Perancangan Insurans</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3813 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberi tumpuan kepada penilaian hayat, kesihatan, persaraan, aset dan liabiliti dari sudut risiko dan prinsip insurans. Ia mendedahkan pelajar kepada kaedah yang digunakan dalam menganalisis dan mengurus risiko tersebut, untuk mengatasi potensi kerugian kepada individu dan organisasi. Ia juga menyepadukan contoh kehidupan sebenar yang menarik dan senario fiksyen instruktif ke dalam setiap topik untuk menggambarkan perkara tersebut. Kursus ini adalah berdasarkan Module 2: Risk Management & Insurance Planning di dalam kursus Registered Financial Planner (RFP) course oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

<b>FNC3513</b>	<b>: Teknologi Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Teknologi kewangan mewakili revolusi penting dalam kewangan, pelaburan, dan peruncitan. Industri yang pesat membangun ini berpotensi mengubah cara kita menguruskan kewangan kita, sama ada secara digital atau secara tradisional, pada masa yang sama membentuk semula landskap sektor kewangan. Memahami teknologi kewangan adalah penting untuk menggunakan teknologi yang dinamik ini, membolehkan penggunaannya dengan berkesan di peringkat tempatan dan global, serta menyokong integrasinya ke dalam pelbagai sektor lain.

<b>FNC3613</b>	<b>: Ekonomi dan Teori Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3213 (Wajib Ambil)

Kursus ini menjelaskan ekonomi kewangan dengan fokus pada teori-teori kewangan utama. Pelajar akan didedahkan kepada bidang utama dalam ekonomi kewangan dan teori pasaran kewangan, struktur modal dan tadbir urus korporat. Melalui kursus ini, pelajar dapat membangunkan kemampuan untuk menjelaskan implikasi teoretikal yang relevan daripada pelbagai senario kewangan dan pelaburan.

<b>FNC3833</b>	<b>: Analisis Pelaburan dan Pengurusan Portfolio</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3213 (Wajib Ambil)

Kursus ini bertujuan untuk meletakkan asas yang kukuh dalam prinsip pelaburan. Ia melengkapkan pelajar dengan analisis dan teori kewangan yang diperlukan untuk membuat keputusan pelaburan dan untuk memahami rangka kerja yang digunakan untuk menilai, meramal dan mempelbagaikan sekuriti kewangan. Menekankan pendekatan kuantitatif, kursus ini menggunakan kaedah analisis dan teori ekonomi, memupuk pemahaman dan aplikasi yang mendalam dalam bidang kewangan. Melalui kursus ini, pelajar akan bersedia untuk menghadapi kerumitan strategi pelaburan dan penilaian. Kursus ini adalah berdasarkan Module 3: Investment Planning di dalam kursus Registered Financial Planner (RFP) oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

<b>FNC3843</b>	<b>: Perancangan Zakat dan Cukai</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3813 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberi tumpuan kepada aspek penting dalam perancangan kewangan: perancangan cukai dan zakat. Ia memperkenalkan pelajar kepada kerangka perundungan cukai dan zakat di Malaysia, termasuk akta, peraturan, dan undang-undang yang mengawal bidang ini. Pelajar akan dapat mengenal pasti pelbagai bentuk pendapatan kena cukai dan memperoleh pengetahuan mengenai kewajipan zakat. Kursus ini menyediakan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas untuk pentadbiran cukai yang cekap dan perancangan cukai yang strategik. Kursus ini adalah berdasarkan Module 4: Zakat and Tax Planning di dalam kursus Registered Financial Planner (RFP) oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

<b>FNC4113</b>	<b>: Analisis Penyata Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3213 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberikan kefahaman menyeluruh kepada pelajar mengenai cabaran-cabaran dalam menggunakan penyata kewangan untuk membuat keputusan pelaburan dan pinjaman. Pelajar akan membuat analisis mendalam secara horizontal dan vertikal, serta analisis nisbah. Ia juga mengintegrasikan contoh-contoh kehidupan praktikal dan senario fiksyen bagi setiap topik.

<b>FNC3853</b>	<b>: Pengurusan Harta Pusaka</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3813 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberi tumpuan kepada salah satu bidang penting dalam perancangan kewangan iaitu perancangan harta pusaka. Pelajar diperkenalkan kepada pelbagai teknik dan prosedur mengenai cara-cara untuk mengagihkan harta secara berkesan kepada waris. Proses probet dan strategi pemberian hadiah juga dibincangkan. Pengurusan harta dan pelupusan harta turut dijelaskan dengan menggunakan metodologi yang relevan seperti "revocable living trusts", wasiat, dan ganti rugi wasiat. Kursus ini juga mengkaji pelbagai struktur perniagaan dan isu-isu yang berkaitan dengan penciptaan, pengurusan, atau pelupusan kepentingan perniagaan dalam perancangan kewangan keluarga. Kursus ini adalah berdasarkan Module 5: Estate Planning di dalam kursus Registered Financial Planner (RFP) oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

<b>FNC4863</b>	<b>: Perancangan Persaraan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3813 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberi tumpuan kepada pengurusan aset untuk persaraan dari segi kewangan dan bagaimana memilih pilihan yang betul untuk bersara. Kursus ini juga membincangkan pelbagai pilihan persaraan, kunci untuk mengurus persaraan, bagaimana merancang untuk persaraan, dan faedah yang boleh diperoleh semasa persaraan. Kursus ini adalah berdasarkan Module 6: Retirement Planning di dalam kursus Registered Financial Planner (RFP) oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

<b>FNC4613</b>	<b>: Kewangan Antarabangsa</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3213 (Wajib Ambil)

Perniagaan berkembang menjadi syarikat multinasional (MNC) supaya mereka boleh memanfaatkan peluang di peringkat antarabangsa. Eksekutif dan pengurus kewangan MNC mesti dapat menilai persekitaran antarabangsa, mengenalpasti peluang, melaksana strategi, menilai pendedahan kepada risiko dan mengurus risiko tersebut. Kursus ini mengajar topik-topik tersebut kepada pelajar untuk menjadi eksekutif dan pengurus MNC di masa hadapan.

<b>FNC4873</b>	<b>: Aplikasi dalam Perancangan Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC4863 (Wajib Ambil)

Kursus ini menyediakan peluang kepada pelajar untuk melakukan analisis situasi kewangan pelanggan dan mencadangkan tindakan yang mungkin untuk memperkuat keadaan kewangan pelanggan. Dengan itu, diharapkan pelajar dapat menyediakan pelan kewangan berdasarkan panduan profesional oleh MFPC. Penekanan akan diberikan kepada analisis dan penyediaan pelan kewangan. Kursus ini adalah persiapan untuk peperiksaan Module 7: Applications in Financial Planning di dalam kursus Registered Financial Planner (RFP) oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

<b>FNC4123</b>	<b>: Pemodelan Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3123 (Wajib Ambil)

Kursus ini membangunkan kemahiran pemodelan kewangan menggunakan Microsoft Excel. Pelajar akan diperkenalkan kepada pembangunan dan aplikasi lembaran kewangan termasuk pengaturcaraan VBA. Kursus ini membolehkan pelajar menggunakan fungsi-fungsi yang relevan dalam Excel dan membina lembaran kewangan untuk menyelesaikan analisis ekonometrik asas dan analisis siri masa, analisis risiko seperti analisis sensitiviti dan simulasi Monte Carlo, serta masalah optimasi kewangan.

<b>FNC4513</b>	<b>: Teknologi Kewangan Lanjutan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3513 (Wajib Ambil)

Kursus ini adalah berkaitan teknologi blok rantai, yang mana merupakan teknologi pangkalan data yang tersebar dengan keupayaan untuk melaksanakan kontrak pintar. Kecekapan dan penjimatan kos yang disediakan oleh teknologi blok rantai, yang telah digunakan oleh komuniti kewangan, juga telah digunakan secara meluas dalam bidang lain. Teknik, aplikasi, dan pengetahuan blok rantai adalah penting untuk mengekalkan transaksi global, kepercayaan, integriti, dan mengejar kemajuan kewangan yang berlaku dengan cepat pada masa kini.

<b>FNC4612</b>	<b>: Seminar Kewangan</b>
Jam Kredit	: 2 (2+0)
Prasyarat	: FNC4213 (Wajib Ambil)

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada para pelajar kepada pelbagai topik berkenaan kewangan yang memberi kesan kepada persekitaran kewangan dan perniagaan. Antara topik yang berkaitan adalah struktur modal, polisi dividen, pasaran modal, tadbir urus, kewangan Islam, dan kewangan digital. Sebagai tambahan, para pelajar akan diberi panduan untuk menggunakan pangkalan data atas talian untuk mencari artikel yang berkaitan untuk mereka menjalankan sorotan literatur, menulis laporan, dan membuat pembentangan dalam seminar mini yang akan mereka anjurkan.

<b>FNC49712</b>	<b>: Latihan Industri</b>
Jam Kredit	: 12 (0+12)
Prasyarat	: Selepas selesai memenuhi 60 jam kredit, termasuk kursus FNC4863 (Wajib Ambil)

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai persekitaran kerja yang sebenar dengan menempatkan mereka untuk bekerja di organisasi diluar universiti. Sebagai tambahan, kursus ini membolehkan pelajar mengaplikasikan konsep dan teori yang dipelajari menerusi kuliah kepada praktikal sebenar yang berkaitan dengan kewangan.

<b>FNC3223</b>	<b>: Pengurusan Kewangan Islam</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini membincangkan prinsip pembiayaan dan pelaburan dalam konteks Islam. Topik utama yang akan dibincangkan termasuk prinsip kewangan Islam, transaksi tanpa faedah dan zakat, alat kewangan Islam seperti murabahah, mudarabah dan sukuk, penganggaran modal, risiko dan takaful.

<b>FNC3213</b>	<b>: Pengurusan Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini memberi tumpuan kepada prinsip dan teknik asas dalam membuat keputusan kewangan. Ia merangkumi kedua-dua konsep pengurusan kewangan serta aplikasi teknik kewangan sebagai alat untuk membuat keputusan. Topik yang diliputi termasuk analisis penyata kewangan, pengurusan modal kerja, hubungan risiko dan pulangan, kos modal, penilaian sekuriti asas dan nilai masa wang.

<b>FNC3123</b>	<b>: Kaedah Statistik untuk Perakaunan dan Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep statistik asas dalam aplikasi perniagaan. Topik dalam kursus ini merangkumi konsep asas kaedah persampelan, kaedah pengumpulan data, kaedah pengenalan dalam statistik deskriptif dan inferensi serta aplikasinya. Topik khusus termasuk kaedah berangka dan bukan berangka untuk menerangkan data, korelasi & regresi, nombor indeks dan kebarangkalian.

<b>FNC4223</b>	<b>: Pasaran dan Institusi Kewangan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3213 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberikan gambaran keseluruhan beberapa komponen pasaran kewangan dan institusi yang mengambil bahagian dalam pasaran. Pasaran kewangan membiayai sebahagian besar perbelanjaan oleh firma, kerajaan dan individu. Istilah institusi kewangan ditakrifkan sebagai pengantara utama dalam pasaran kewangan, berdasarkan aktiviti dana yang mereka terlibat. Kursus ini menyediakan rangka kerja konsep yang boleh digunakan untuk memahami mengapa pasaran tersebut wujud. Seterusnya, berdasarkan kefahaman dan kefahaman, pelajar boleh mengaplikasikan pengetahuan dalam bidang pekerjaan yang berkaitan.

<b>FNC4213</b>	<b>: Kewangan Korporat</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: FNC3213 (Wajib Ambil)

Kursus ini merangkumi topik kewangan korporat dalam beberapa bahagian. Bahagian pertama memberikan gambaran keseluruhan tentang penjanaan dan pengurusan modal. Bahagian kedua membincangkan mengenai risiko dan analisis penilaian projek. Bahagian ketiga adalah tentang kewangan korporat antarabangsa. Bahagian keempat membincangkan tentang dasar kewangan dan kewangan tingkah laku. Bahagian kelima adalah berkenaan pengurusan risiko bahagian keenam, iaitu bahagian terakhir membincangkan tentang penggabungan dan pengambilalihan.

## **KURSUS-KURSUS ELEKTIF BIDANG KEWANGAN**

<b>FNC4663</b>	<b>: Kewangan Rantaian Bekalan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Di dalam kursus ini, terdapat dua perspektif utama dalam pengurusan kewangan merentasi rantaian bekalan. Perspektif pertama lebih bersifat jangka pendek, tertumpu kepada akaun bayaran dan penerimaan. Perspektif kedua lebih menyeluruh, berfokus pada optimasi modal kerja dari segi inventori dan pengurusan aset. Ia merangkumi perbincangan dari pelbagai sudut penyelidikan, serta pandangan dari pihak perniagaan dan membuat dasar. Selain itu, ia membincangkan kelebihan pendekatan kewangan rantaian bekalan, termasuk pengurangan modal kerja, akses kepada pembiayaan yang lebih murah, pengurangan risiko, serta peningkatan kepercayaan, komitmen, dan keuntungan sepanjang rantaian.

<b>FNC4643</b>	<b>: Kewangan Luar Pesisir</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini direkabentuk untuk menawarkan gambaran yang meluas mengenai operasi dunia perbankan dan kewangan luar pesisir yang kompleks dan sering kali disalahfahami. Ia juga memberi tumpuan kepada peranan global kewangan Islam dan hubungan antara kewangan Islam dan Pusat Kewangan Luar Pesisir (OFC). Kursus ini memberikan pemahaman konsep-konsep dan prinsip-prinsip perbankan dan kewangan luar pesisir, identiti OFCs, ciri-ciri, perkhidmatan dan isu semasa, penilaian dan langkah-langkah oleh AS dan OECD, penggunaan OFCs yang sah, kepentingan dan amalan kajian semula, hubungan antara luar pesisir dan kewangan Islam, dan kebimbangan khas isu-isu berkaitan OFCs.

<b>FNC4653</b>	<b>: Pengurusan Kewangan Pesisir</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Pengurusan kewangan pesisir melibatkan pengurusan sumber kewangan secara berkesan di kawasan pesisiran. Ia merangkumi menilai dan mengurus risiko, merancang pelaburan, mengintegrasikan amalan kelestarian, bersedia untuk bencana, membiayai infrastruktur, mematuhi peraturan, dan menyokong pembangunan komuniti. Matlamatnya adalah untuk memastikan kemakmuran ekonomi sambil melindungi persekitaran pesisiran.

<b>FNC4673</b>	<b>: Kewangan Perkapalan</b>
Jam Kredit	: 3 (3+0)
Prasyarat	: Tiada

Kursus ini merangkumi analisis terma dan syarat gadaian kapal, serta hak gadaian kapal di seluruh bidang kuasa maritim utama. Tambahan pula, ia menyediakan perbincangan yang meluas mengenai prosedur dan dokumentasi untuk mendaftarkan kapal-kapal berdasarkan kepada negara secara terperinci, dengan nasihat yang terperinci dari pakar-pakar kewangan perkapalan.

<b>FNC4983</b>	<b>: Penyelidikan Dalam Kewangan 1</b>
Jam Kredit	: 3 (0+3)
Prasyarat	: FNC3123 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberikan peluang untuk menjalankan penyelidikan asli tentang subjek yang memenuhi minat pelajar. Projek penyelidikan ini mewakili penyiasatan yang lebih terperinci mengenai topik kewangan yang timbul dari pencarian pelajar semasa pengajian mereka. Proses penyelidikan akan dibahagikan kepada dua bahagian; iaitu, pembangunan cadangan dan menjalankan kerja lapangan.

<b>FNC4993</b>	<b>: Penyelidikan dalam Kewangan 2</b>
Jam Kredit	: 3 (0+3)
Prasyarat	: FNC4983 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberi peluang untuk menjalankan penyelidikan yang berkaitan dengan bidang pelajar. Penyelidikan ini adalah kesinambungan daripada kertas cadangan penyelidikan yang telah didaftarkan dibawah FNC4983. Penekanan adalah diberikan kepada analisa data dan pembentangan dapatan kajian.

## **KURSUS-KURSUS BAGI PELAJAR BUKAN KEWANGAN**

**FNC3233 : Perancangan Dan Pengurusan Harta**

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep kekayaan, penjanaan, peningkatan dan pengagihannya dari kedua-dua perspektif konvensional dan Islam sebagai sebahagian daripada proses perancangan harta. Ia juga merangkumi perincian proses peruntukan kekayaan, penjanaan dan peningkatan kekayaan melalui pelaburan dalam sekuriti dan harta tanah, perlindungan kekayaan melalui insurans dan takaful, perancangan untuk masa depan melalui perancangan harta pusaka, cukai dan persaraan dan juga pembahagian harta pusaka melalui wasiat dan undang-undang warisan. . Rangka kerja dan isu undang-undang juga akan dibawa sebagai alat berguna untuk perancangan dan perundingan kekayaan.


**FNC3013 : Kewangan Pengurusan**

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ACC3100 (Wajib Ambil)

Kursus ini memberi tumpuan kepada prinsip dan teknik asas dalam membuat keputusan kewangan. Ia merangkumi kedua-dua konsep pengurusan kewangan serta aplikasi teknik kewangan sebagai alat untuk membuat keputusan. Topik yang diliputi termasuk ramalan dan perancangan kewangan, pengurusan modal kerja, hubungan risiko dan pulangan, pembiayaan jangka pendek dan panjang, nilai masa wang dan aplikasinya, dasar struktur modal dan pengurusan risiko.

# HUBUNGI KAMI



**Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia**

-  **+609 668 4149**
-  [fbesd@umt.edu.my](mailto:fbesd@umt.edu.my)
-  [fbesd.umt.edu.my](http://fbesd.umt.edu.my)
-  [www.facebook.com/OfficialFBESD](http://www.facebook.com/OfficialFBESD)